

## Faktor Dorongan Pelajar Tingkatan 6 Melanjutkan Pelajaran di Peringkat Ijazah Sarjana Muda

(*Motivation Factors for Form 6 Students to Continue Their Studies at the Bachelor's Degree Level*)

See Too Kay Leng<sup>1</sup>, Mohd Nor Shahizan Ali<sup>1\*</sup>, Mohd Rafizey Dalin<sup>1</sup>, Norashikin Hamzah<sup>1</sup> & Muhammad Haniq Yazid<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [shahizan@ukm.edu.my](mailto:shahizan@ukm.edu.my)

Diserah: 28 Disember 2022

Diterima: 18 Julai 2023

**Abstrak:** Pada era pasca pandemik Covid-19 ini telah menyebabkan semua masyarakat kembali kepada kehidupan seperti sedia kala termasuklah pelajar-pelajar sekolah. Fasa pemulihan ini juga menyebabkan ramai masyarakat mengalami tekanan untuk meneruskan kehidupan bahkan pelajar sekolah juga telah mengalami keadaan sukar untuk kembali bersemangat untuk meneruskan pembelajaran pada peringkat seterusnya. Kajian ini telah melakukan tinjauan dan penelitian terhadap pendapat pelajar tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti latar belakang sosioekonomi pelajar tingkatan 6. Selain itu, kajian juga bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor mempengaruhi cita-cita pelajar tingkatan 6 ke Menara gading. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pengedaran borang soal selidik untuk mengumpul data. Seramai 43 orang pelajar tingkatan 6 dipilih sebagai responden kajian. Teknik menganalisis data menggunakan teknik Chi-Square dan teknik analisis faktor untuk mengenal pasti hubungkait antara faktor utama yang menyebabkan pelajar ingin menyambung pengajian di universiti. Hasil kajian mendapati walaupun pelajar terdiri daripada keluarga sederhana tetapi mempunyai niat menyambung pengajian di universiti. Selain itu, faktor kendiri adalah faktor utama yang mempengaruhi mereka ingin menjelak kaki ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian mikro dan berfokus ini amat diperlukan untuk menjadikan unjuran hala tuju pelajar STPM terutamanya selepas fasa pandemik seterusnya unjuran pemilihan pelajar di peringkat pengajian tinggi dapat dikenal pasti.

**Kata kunci:** analisis faktor; motivasi; Tingkatan 6; covid-19; Teori *Planned Behavioral*

**Abstract:** In the post-pandemic era, Covid-19 has caused everyone to return to life as usual, including school students. This recovery phase also causes many people to experience pressure to continue with life, even school students have also experienced difficult situations to regain enthusiasm to continue learning at the next level. This study has conducted a survey and research on the opinions of STPM students at Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian. The purpose of this study is to identify the socioeconomic background of STPM students. In addition, the study also aims to analyze the factors influencing STPM students to achieve the ivory tower. This research uses the method of distributing questionnaires to collect data. A total of 43 students representing the upper and lower 6th grade of the school were selected as respondents to the study. Data analysis techniques using the Chi-Square technique and factor analysis techniques to identify the relationship between and the main factors that cause students to want to continue their studies at university. The results found that even though the students are from modest families, they have the intention of continuing their studies at a high university. In addition, individual factors are the main factors that influence them to want to

step foot to a higher level. This micro and focused study is very necessary to make the projection of the direction of STPM students especially after the next phase of the pandemic and the projection of student selection at the higher education level can be identified.

**Keywords:** factor analysis; motivation; Form 6; Covid-19; Plan Behavioural Theory

## Pengenalan

Pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi kecenderungan para pelajar untuk menyambung pengajian di peringkat universiti. Faktor kecenderungan ini juga sentiasa berubah-ubah mengikut tahap kematangan, pemahaman dan ilmu yang diperolehi. Pelajar zaman sekarang lebih senang untuk memperolehi maklumat tentang kursus, program, maklumat universiti dan infomasi melanjutkan pelajaran keperingkat pengajian tinggi. Namun, ianya tidak memberi suntikan semangat atau motivasi yang tinggi kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran. Hal ini disebabkan masih terdapat banyak faktor yang menjadikekangan dan pertimbangan oleh para pelajar untuk ke universiti terutamanya.

Menurut Amy (2003), motivasi pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat universiti sedikit sebanyak mempunyai hubungkait dengan latar belakang sosioekonomi keluarga pelajar berkenaan. Walaupun bukan semua pelajar yang kurang berkemampuan memilih untuk tidak melanjutkan pelajaran. Namun kes-kes seperti ini berulang setiap tahun dan mendapat perhatian pelbagai pihak untuk merealisasikan impian pelajar yang ditawarkan tempat di universiti tersebut. Misalnya, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menyalurkan bantuan ehsan kepada calon mahasiswa/i meneruskan pengajian dan cita-cita ke menara gading (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2020).

Selain daripada status kewangan, faktor pengaruh persekitaran juga mempengaruhi pelajar untuk melanjutkan pelajaran. Pengaruh insan terdekat seperti keluarga, saudara mara dan guru-guru adalah amat terkesan kepada pelajar yang masih di bawah tanggungan keluarga. Hal ini juga sedikit sebanyak menjadi penentu kepada pelajar untuk memilih hala-tuju pengajian mereka pada masa akan datang. Kajian Aikens & Barbarin (2008) menyatakan bahawa keluarga terdekat memberi suntikan corak pemikiran yang ketara kepada pelajar yang sedang membuat keputusan tentang mencapai cita-cita. Kebiasaannya, pelajar akan menerima maklumat yang diberi oleh ibu bapa dan secara langsungnya dicorak melalui didikan keluarga. Situasi ini telah biasa berlaku dan keluarga akan membentuk anak-anak mereka berdasarkan pengetahuan dan pengalaman keluarga sekeliling. Misalnya, ibu bapa merupakan guru maka mereka berharap anak-anak juga menjadi guru dan mengambil bidang khusus berkaitan dengan perguruan malah memasuki universiti perguruan. Hal ini secara langsung telah membentuk pemikiran dan mempengaruhi tingkah laku pelajar untuk memilih perjalanan melanjutkan pengajian.

Faktor kendiri juga merupakan salah satu faktor yang ketara untuk mempengaruhi tingkah laku atau motivasi pelajar untuk melanjutkan pelajaran di universiti. Kajian Muhd Arsal (2015) menyatakan jati diri dan kecekalan diri adalah penentu bagi kegagalan dan kerjayaan seseorang. Berdasarkan kajian beliau, faktor tingkah laku yang paling penting adalah faktor kendiri. Setiap orang mempunyai impian dan cita-cita yang tersendiri malah hanya mereka sendiri yang tahu bakat dan potensi hingga membolehkan mereka mencapai kejayaan. Oleh itu, faktor kendiri adalah penting dalam mengukur faktor pengaruh tingkah laku pelajar dalam melanjutkan pelajaran di peringkat universiti. Di samping itu, pelajar juga sebenarnya memahami minat diri terhadap bidang atau kursus apa yang bakal dipilih di universiti. Di samping itu, pelajar yang mengetahui potensi mereka dari segi keputusan peperiksaan seperti STPM memilih bidang kursus yang sesuai.

Menurut kajian Cheron (2008), faktor agama dan warisan juga mempunyai kesan pengaruh terhadap tingkah laku seseorang untuk menentukan masa depan atau melanjutkan pelajaran. Hal ini demikian kerana, latar belakang agama atau warisan merupakan satu unsur yang mencorakkan hala tuju dan amalan serta niat kita semasa membuat keputusan. Misalnya, setiap agama menyarankan mengejar ilmu pengetahuan supaya menjadi masyarakat bertamadun. Selain itu, warisan keturunan juga akan mempengaruhi seseorang itu untuk memilih hala tuju kehidupan mereka. Ekoran daripada itu, pelajar juga boleh dipengaruh oleh latar belakang keturunan mereka yang terdiri daripada ilmuan atau minat yang mendalam terhadap pelajaran. Maka mereka lebih cenderung untuk melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi.

Setelah meneliti faktor pengaruh daripada kajian-kajian lepas, terdapat satu teori iaitu teori *Planned Behavioral* (2011) yang signifikan sebagai tunjang kepada penyelidikan tentang pengaruh perubahan tingkah laku pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti. Teori ini merupakan teori umum dan selalu dikaitkan dengan penentuan amalan dan tingkah laku seseorang dalam membuat keputusan. Oleh hal yang demikian, kajian ini menggunakan teori ini sebagai sandaran faktor-faktor yang bakal dikaji selidik dalam pengaruh lanjutan pelajaran dalam kalangan pelajar STPM SMK Kubang Kerian. Penyelidikan sebegini adalah penting untuk memahami kesinambungan antara faktor pengaruh dan mengesan faktor utama yang memberi pengaruh kepada pelajar membuat keputusan untuk menyambung belajar di peringkat universiti. Apabila dapat mengenal pasti faktor utama maka ia dapat memberi satu arah tuju kepada pihak sekolah, kementerian untuk meningkatkan lagi semangat motivasi pelajar melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah.

## Sorotan Literatur


## 1. Kekangan Pelajar Melanjutkan Pelajaran

Tidak dinafikan segelintir anak muda hari ini lebih memilih untuk tidak menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM). Mungkin ada antaranya yang dipengaruhi dengan mentaliti bahawa pendidikan tidak menjamin masa depan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2022), mendapati lebih 72 peratus rakyat Malaysia memilih untuk tidak melanjutkan pelajaran selepas SPM. Isu ini telah mendapat perbincangan hangat di dalam media sosial dan masyarakat sekeliling. Terdapat kelompok yang menyokong pelajar tidak perlu melanjutkan pelajaran dan ada juga kelompok yang membantah. Pelbagai persepsi telah diketengahkan bagi merungkai isu permasalahan ini.

Sememangnya pelajar tidak melanjutkan pelajaran selepas peringkat sekolah menengah akan mendatangkan pelbagai kesan negatif terhadap diri mereka dan juga pembangunan negara pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana, ilmu pengetahuan bukan sahaja diasah semasa kuliah, malah pelajar lebih ditekankan pembentukan jati diri dan insaniah melalui penglibatan dalam pelbagai program di universiti. Selain itu, dengan pendidikan, budaya-budaya jelik tidak akan wujud lagi dalam masyarakat contohnya budaya *prank*, jenaka rogol, dan persenda agama. Masyarakat berpelajaran tinggi juga boleh meningkatkan daya saing negara ke arah yang lebih maju dan membangun. Sumbangan ekonomi secara makro memerlukan ilmu pengetahuan yang tinggi. Namun tidak dinafikan bahawa perusahaan kecil-kecilan juga dapat menyuntik sumbangan kepada ekonomi negara. Akan tetapi sektor ekonomi memerlukan inovasi dan kreativiti yang berterusan untuk berkembang pesat dan tidak ditelan zaman. Usaha inovasi dan kreativiti sememangnya memerlukan ilmu pengetahuan malah teknologi yang sesuai. Oleh itu, masyarakat perlu berusaha untuk mengecapi peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat universiti agar memperolehi ilmu pengetahuan dan kemahiran mengendali teknologi pada zaman moden ini.

## 2. Teori *Planned Behavioral*

Pada asalnya Teori *Reasoned Action* (TRA) dikembangkan menjadi Teori *Planned Behavior* (TPB) oleh Ajzen (Lee & Kotler, 2011). Teori *Planned Behavior* (2011) mempunyai tiga peringkat yang menghubungkaitkan pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhi tingkah laku seseorang dalam membuat keputusan. Rajah 1 merupakan carta alir Teori *Planned Behavior* (2011).



Rajah 1. Teori *Planned Behavior*  
Sumber: Wayne W. LaMorte (2019)

Teori ini bermulanya daripada beberapa pembolehubah asas iaitu amalan kepercayaan, norma sosial, norma subjektif, kewangan dan kawalan tingkah laku. Kesemua pembolehubah ini merupakan faktor pengaruh tingkah laku seseorang dalam membuat tindakan. Pembolehubah amalan adalah sesuatu yang berkaitan dengan kawalan peraturan oleh sesuatu komuniti terhadap tindakan seseorang. Sebagai contohnya, sikap seseorang adalah dipengaruhi oleh peraturan atau halangan yang dibina oleh sebuah komuniti misalnya para agamawan atau ketua-ketua komuniti misalnya ketua kampung (Paiva et al., 2020). Pembolehubah ini kebiasaannya berkait rapat dengan ajaran agama atau budaya. Pengajaran agama dan amalan budaya mampu mengawal atau mendorong sesuatu tindakan seseorang melalui halangan, peraturan atau ajaran kepada penganut mahupun pengikutnya. Oleh itu, amalan adalah salah satu unsur yang boleh memberi kesan terhadap tingkah laku seseorang melalui perubahan sikap dan niat akibat daripada pengaruh amalan harian mereka.

Faktor pembolehubah dalam teori yang seterusnya adalah norma sosial. Pembolehubah ini bermaksud pengaruh sosial atau sekitaran individu hingga menyebabkan tingkah laku mereka berubah (Anderson, 1995). Norma sosial merupakan faktor yang terlibat dengan pengaruh sosial sama ada melalui media, pengaruh orang sekeliling ataupun pengaruh trend. Sesiapa yang dipengaruhi oleh norma sosial ini akan terikut-ikut dengan maklumat yang diterima daripada pihak yang lain.

Seterusnya, pembolehubah teori ini juga terdapat norma subjektif. Norma ini adalah unsur pengaruh yang berasaskan emosi, cita rasa dan kegemaran seseorang (Anderson, 1995). Kesemua elemen yang berkaitan dengan nilai subjektif dalam diri seseorang akan menjelaskan niat dan tingkah laku mereka dalam membuat sesuatu tindakan. Misalnya, seseorang itu berminat dengan warna merah, maka dia akan mengutamakan produk yang berwarna merah semasa membuat pilihan terhadap sesuatu produk.

Manakala, teori ini juga menentukan kewangan sebagai salah satu angkubah yang boleh mempengaruhi niat dan tingkah laku pengguna dalam membuat sesuatu keputusan. Secara langsungnya faktor kewangan adalah berkait rapat dengan kemampuan seseorang untuk memiliki sesuatu barang atau perkhidmatan. Menurut Kennedy (2013), faktor kewangan adalah salah satu punca utama bagi masyarakat untuk membuat keputusan terhadap pemilihan produk.

Kawalan tingkah laku pula tergolong dalam pembolehubah bagi teori *Planned Behavior* (2011) ini. Kawalan tingkah laku bermaksud halangan sesuatu yang nyata atau tidak nyata terhadap membuat sesuatu keputusan serta tindakan. Kawalan nyata yang dimaksudkan adalah halangan yang boleh dilihat seperti ketidakupayaan atau masalah fizikal dan mental yang mempengaruhi tingkah laku. Bagi kawalan tingkah laku tidak nyata pula merupakan masalah kesihatan, pengalaman lepas dan kesedaran dalam diri yang boleh mengubah minda dan niat terhadap sesuatu tindakan yang dilakukan.

Berdasarkan kesemua pembolehubah daripada teori ini, ia mampu mengubah niat seseorang seterusnya mempengaruhi tingkah laku mereka dalam membuat sesuatu keputusan mahupun tindakan. Walaupun kesemua faktor mempunyai rasionalnya sebagai pembolehubah bagi teori ini, namun ia tidak menentukan faktor manakah yang paling mempengaruhi tingkah laku manusia. Oleh itu, kajian terperinci berdasarkan skop dan persoalan kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti pembolehubah yang paling mempengaruhi tingkah laku manusia.

### 3. Fungsi Teori *Planned Behavior*

Kegunaan Teori *Planned Behavior* (2011) ini telah melangkaui bidang disiplin saintifik sosial. Terdapat pelbagai kajian yang mengaplikasikan teori ini seperti kajian mengenai tingkah laku kesihatan contohnya, tingkah laku menggunakan kondom, senaman dan membuat pemeriksaan kesihatan berkala. Manakala, teori ini turut digunakan dalam bidang kajian persekitaran misalnya, tingkah laku masyarakat terhadap aktiviti kitar semula, tingkah laku manusia melindungi atau memelihara alam sekitar dan sebagainya. Selain daripada kesemua penyelidikan yang menggunakan teori ini malah terdapat banyak lagi kajian-kajian lain yang menggunakan teori ini sebagai panduan bagi mengukuhkan lagi rasional penyelidikan.

Kebiasaannya, teori *Planned Behavior* (2011) diaplikasikan dalam bidang yang berkaitan dengan teknologi dan internet. Sebagai contohnya, Fortin (2011) telah menggunakan model ini bagi mengkaji penggunaan kupon atas talian. George (2002) mendapat "sokongan umum" daripada sebahagian teori berkenaan dapat mengenal pasti hubungkait antara privasi dan pembelian atas talian. Manakala, Ogbodoakum dan Norhasni (2017) pula menggunakan teori *Planned Behavior* (2011) untuk menyelidik tentang ramalan tingkah laku pelajar dalam memilih cara pembelajaran secara atas talian atau bersemuka.

Salah satu kekuatan bagi kajian menggunakan teori ini adalah ia dapat mengaplikasikan dalam apa jua bidang contohnya, bidang berkaitan dengan kesihatan, pemeliharaan alam sekitar, pemasaran dan sebagainya. Teori ini merupakan salah satu teori yang paling ringkas dan tepat untuk mengetahui arah tuju manusia membuat keputusan atau melihat tingkah laku manusia (Ajzen, 2011; Sideridis et al., 1998).

## Kaedah dan Lokasi Kajian

### 1. Kaedah Kajian

Pra Universiti Tingkatan 6 Atas dan 6 Rendah Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian mempunyai 102 orang pelajar. Persampelan bagi kajian ini hanya mengfokuskan kepada pelajar Tingkatan Enam Atas iaitu seramai 43 orang. Kajian memilih pelajar Tingkatan Enam Atas adalah kerana golongan ini lebih signifikan dengan fokus kajian di mana mengenai kecenderungan pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti.

Teknik pengumpulan data penyelidikan ini adalah menggunakan instrumen borang soal selidik dan temu bual. Gabungan kedua-dua pendekatan ini membolehkan kajian ini mencapai setiap objektif yang dicadangkan. Dalam pada borang soal selidik terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian A adalah demografi responden, Bahagian B adalah minat pelajar melanjutkan pelajaran di peringkat universiti, Bahagian C adalah faktor kecenderungan pelajar ingin melanjutkan pelajaran ke universiti dan Bahagian D adalah cadangan pelajar terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan sekolah untuk meningkatkan motivasi meneruskan pengajian di peringkat universiti.

Manakala, teknik temu bual dilakukan terhadap semua sampel kajian. Temu bual secara berkumpulan atau *Focus Group Discussion* dilakukan semasa kajian dilakukan di lapangan. Soalan separa tertutup telah diajukan kepada informan kajian untuk memperolehi data dan maklumat paling tepat berkenaan dengan tujuan kajian.

Data yang telah dikumpul di lapangan telah dianalisis melalui beberapa teknik dengan menggunakan aplikasi *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Teknik analisis digunakan untuk mengenalpasti hubungkait faktor-faktor pengaruh pelajar STPM untuk melanjutkan pengajian adalah teknik Chi-Square. Selain itu, teknik analisis faktor (*Factor Analysis*) juga digunakan untuk menganalisis kecenderungan faktor utama yang mempengaruhi pelajar STPM melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah. Kesemua data penyelidikan yang telah dianalisis diinterpretasikan dalam bentuk deskripsi, jadual dan rajah bagi memudahkan pemahaman.

### 2. Lokasi Kajian

Kajian ini dilakukan di Pra Universiti Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian, Kelantan. Pemilihan lokasi kajian ini adalah kerana sekolah ini merupakan salah sebuah di daerah Kota Bharu. Hal ini demikian, kajian ini ingin mengkaji faktor yang mempengaruhi pelajar STPM sekolah ini untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan seterusnya dapat memberi input kepada meningkatkan motivasi mereka melalui hasil kajian ini.



## Hasil Kajian dan Perbincangan

### 1. Hubungkait Faktor-faktor Mempengaruhi Pelajar STPM Melanjutkan Pengajian Peringkat Ijazah Sarjana Muda

Jadual 1 menunjukkan nilai korelasi sub-sub faktor yang mempengaruhi pelajar STPM SMK Kubang Kerian untuk melanjutkan pelajaran. Analisis ini dilakukan untuk memastikan bahawa sub faktor ini mewakili faktor yang dibina berdasarkan teori. Selain itu, sub faktor ini mesti mempunyai kaitan dengan kecenderungan pelajar melanjutkan pelajaran di peringkat universiti sebelum melakukan analisis faktor di peringkat seterusnya.

Data kajian mendapati kesemua sub faktor adalah signifikan atau mempunyai hubungkait antara satu sama lain untuk dijadikan sebagai sub faktor kepada faktor yang terdiri daripada Teori *Planned Behavior* (2011). Semua sub faktor menunjukkan nilai kurang daripada  $P < 0.05$ . Ini bermakna kesemua sub faktor tidak perlu dipinda atau dibuang daripada kajian kerana mempunyai hubungan yang signifikan untuk meneruskan kajian dan ia adalah penting untuk menunjukkan kecenderungan pelajar dalam memilih sama ada meneruskan pelajaran atau tidak dan faktor yang menyebabkan mereka melakukan sedemikian.

Berdasarkan data kajian menunjukkan bahawa terdapat 3 pasangan sub faktor yang mempunyai nilai yang agak tinggi iaitu menghampiri nilai 1.0. 3 pasangan tersebut bernilai -0.049. Antara perbandingan sub faktor tersebut adalah ingin mencari pasangan berbanding paksaan ibu bapa, pengaruh media dan ajaran agama. Perbandingan ini adalah lebih mempunyai hubungan yang signifikan berbanding sub faktor yang lain. Hal ini demikian kerana, pelajar mempunyai keinginan melanjutkan pelajaran di peringkat universiti atas dasar utama untuk mencari pasangan, paksaan ibu bapa, pengaruh media dan juga ajaran agama.

Jadual 1. Nilai kolerasi faktor-faktor

Faktor Berdasarkan Teori	Faktor Kendiri			Faktor Norma Subjektif				Faktor Norma Sosial	Faktor Tingkah Laku Kawalan	Faktor Kewangan
Sub-faktor	Ingin bekerjaya dan mengejar cita-cita	Mengharumkan nama diri dan keluarga	Ingin mencari pasangan hidup	Pengaruh rakan sekeliling	Paksaan ibu bapa	Dorongan ahli keluarga dan guru	Pengaruh media	Ajaran agama dan adat	Ingin memperolehi gaji yang tinggi	
Ingin bekerjaya dan mengejar cita-cita	1.000	-0.173	-0.106	-0.153	-0.106	-0.315	-0.106	-0.106	-0.131	
Mengharumkan nama diri dan keluarga	-0.173	1.000	-0.080	-0.116	-0.080	-0.239	-0.080	-0.080	-0.099	
Ingin mencari pasangan hidup	-0.106	-0.808	1.000	-0.071	-0.049	-0.145	-0.049	-0.049	-0.060	
Pengaruh rakan sekeliling	-0.153	-0.116	-0.071	1.000	-0.071	-0.211	-0.071	-0.071	-0.088	
Paksaan ibu bapa	-0.106	-0.080	-0.049	-0.071	1.000	-0.145	-0.049	-0.049	-0.060	
Dorongan ahli keluarga dan guru	-0.315	-0.239	-0.145	-0.211	-0.145	1.000	-0.145	-0.145	-0.180	
Pengaruh media	-0.106	-0.080	-0.049	-0.071	-0.049	-0.145	1.000	-0.049	-0.060	
Ajaran agama dan adat	-0.106	-0.080	-0.049	-0.071	-0.049	-0.145	-0.049	1.000	-0.060	
Ingin memperolehi gaji yang tinggi	-0.131	-0.099	-0.060	-0.088	-0.060	-0.180	-0.060	-0.060	1.000	

## 2. Faktor Kecenderungan Utama yang Mempengaruhi Pelajar STPM Melanjutkan Pengajian Peringkat Ijazah Sarjana Muda

Jadual 2 merupakan data statistik deskriptif yang telah dianalisis melalui maklumat soal selidik yang diperolehi di lapangan. Analisis statistik deskriptif mendapati nilai min 1.9535 merupakan min tertinggi iaitu membawa maksud sub faktor yang paling mempengaruhi kecenderungan pelajar STPM SMK Kubang Kerian untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti. Terdapat empat sub faktor yang berkongsi nilai yang sama, ini bermakna sub-sub faktor ini merupakan faktor kecenderungan dominan. Antara empat sub faktor tersebut adalah ingin bekerjaya dan mengejar cita-cita, ingin mencari pasangan hidup, paksaan ibu bapa, pengaruh media.

Jadual 2. Statistik deskriptif

	<b>Mean</b>	<b>Standard Deviation</b>	<b>Analysis N</b>
Ingin bekerjaya dan mengejar cita-cita	1.9535	0.21308	43
Mengharumkan nama diri dan keluarga	1.8837	0.32435	43
Ingin mencari pasangan hidup	1.9535	0.21308	43
Pengaruh rakan sekeliling	1.9070	0.29390	43
Paksaan ibu bapa	1.9535	0.21308	43
Dorongan ahli keluarga dan guru	1.6977	0.46470	43
Pengaruh media	1.9535	0.21308	43
Ajaran agama dan adat	1.8102	0.2365	43
Ingin memperolehi gaji yang tinggi	1.9302	0.25777	43

Jadual 3 menerangkan tentang *Kaiser-Mayer-Olkin Measure* (KMO) yang merupakan nilai tunjang kepada faktor analisis. Nilai ini adalah berfungsi sebagai penentu sub-sub faktor sama ada dapat dibina sebagai elemen faktor berdasarkan teori mahupun tidak. Nilai KMO perlu menunjukkan nilai yang positif untuk menentukan sub-sub faktor adalah konkrit bagi membina faktor berdasarkan teori. Kajian ini mendapati nilai KMO data maklumat tentang faktor kecenderungan pelajar STPM untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti adalah 0.037. Nilai ini adalah nilai positif maka sub-sub faktor mampu berdiri sebagai faktor berdasarkan Teori *Planned Behavior* (2011).

Jadual 3. *Kaiser-Mayer-Olkin Measure*

<u>Kaiser-Mayer-Olkin Measure of Sampling Adequacy</u>	0.037
Bartlett's Test of Sphericity	
Approx. Chi-Square	77.025
df	36
Sig.	0.000

Jadual 4 adalah *Communalities* iaitu nilai kedudukan sub-sub faktor mengikut keutamaan pemilihan pelajar sebagai punca mereka ingin melanjutkan pelajaran di peringkat universiti. Kedudukan faktor paling mempengaruhi pelajar STPM ingin melanjutkan pelajaran adalah ingin bekerjaya dan mengejar cita-cita, paksaan ibu bapa dan pengaruh media. Berdasarkan maklumat responden mereka ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti adalah kerana ingin memperolehi kerjaya yang lebih baik apabila mendapat sijil Ijazah Sarjana Muda nanti. Selain itu, sememangnya mereka memasang cita-cita untuk melanjutkan pelajaran atau mencapai pelajaran di menara gading. Kajian juga mendapati bahawa respon pelajar berkenaan dengan mereka dipaksa oleh ibu bapa untuk melanjutkan pelajaran dan ia adalah satu haluan yang betul bagi anak-anak mereka untuk berjaya. Pengaruh media juga tidak kurang hebatnya terhadap pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti. Hal ini demikian kerana, media massa memberi semangat kepada pelajar untuk meneruskan pengajian di universiti. Misalnya, rancangan Buletin Didik, UPU Online dan sebagainya memberi

pendedahan kepada pelajar tentang hala tuju selepas masuk universiti (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2019). Daripada itu, kajian dapat membuat justifikasi bahawa faktor kendiri, faktor norma subjektif dan faktor norma sosial adalah faktor yang paling berpengaruh kepada pelajar STPM untuk menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Jadual 4. *Communalities*

	<b>Initial</b>	<b>Extraction</b>
Ingin bekerjaya dan mengejar cita-cita	1.000	.997
Mengharumkan nama diri dan keluarga	1.000	.993
Ingin mencari pasangan hidup	1.000	.989
Pengaruh rakan sekeliling	1.000	.994
Paksaan ibu bapa	1.000	.997
Dorongan ahli keluarga dan guru	1.000	.985
Pengaruh media	1.000	.997
Ajaran agama dan adat	1.000	.972
Ingin memperolehi gaji yang tinggi	1.000	.995

Extraction Method: Principal Component Analysis.


Jadual 5 menunjukkan nilai Eigenvalues yang menunjukkan kedudukan komponen atau sub faktor yang diterima sebagai faktor berpengaruh. Susunan komponen adalah mengikut kedudukan faktor paling berpengaruh dan hanya 8 sub faktor yang mempunyai nilai *Eigenvalues* melebihi 1. Komponen 9 walaupun ia mencapai syarat sebagai sub faktor untuk menjadi faktor yang mempengaruhi pelajar STPM melanjutkan pelajaran di universiti, namun ia kurang berkepentingan setelah melepas analisis faktor.

Jadual 5. *Total Variance Explained*

<b>Component</b>	<b>Initial Eigenvalues</b>			<b>Extraction Sums of Squared Loadings</b>		
	Total	% of Values	Cumulative %	Total	% of Variance	Cumulative %
1	1.345	14.949	14.949	1.345	14.949	14.949
2	1.184	13.157	28.107	1.184	13.157	28.107
3	1.117	12.414	40.520	1.117	12.414	40.520
4	1.087	12.077	52.598	1.087	12.077	52.598
5	1.064	11.821	64.419	1.064	11.821	64.419
6	1.049	11.653	76.072	1.049	11.653	76.072
7	1.049	11.653	87.725	1.049	11.653	87.725
8	1.049	11.653	99.378	1.049	11.653	99.378
9	0.056	0.622	100.000			

Extraction Method: Principal Component Analysis

Rajah 3 adalah *Scree Plot* yang menunjukkan nilai Eigenvalues dalam bentuk graf. Berdasarkan graf ini lebih senang memahami bahawa hanya 8 sub faktor melebihi nilai 1 manakala komponen 9 amatlah rendah nilai *Eigenvalues* yang diperolehi.



Rajah 3. Scree Plot

## Kesimpulan

Pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia merupakan salah satu golongan yang perlu dititikberatkan oleh semua pihak agar mereka dapat menjalankan kaki ke peringkat menara gading. Namun begitu, perubahan zaman kini terlalu banyak faktor yang mempengaruhi mereka untuk menyambung pelajaran atau sebaliknya. Secara keseluruhannya, pelajar tingkatan 6 SMK Kubang Kerian secara majoritinya ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Faktor yang dikenal pasti merupakan faktor utama mempengaruhi pelajar tingkatan 6 melanjutkan pelajaran adalah faktor kendiri, faktor norma subjektif dan faktor norma sosial.

**Penghargaan:** Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengishtiharkan tiada konflik kepentingan antara pihak pengkaji dan para responden terlibat.

## Rujukan

- Aikens, N. L. & Barbarin, O. (2008). Socioeconomic differences in reading trajectories: The contribution of family, neighborhood, and school contexts. *Journal of Educational Psychology*, 100, 235-251. <http://dx.doi.org/10.1037/0022-0663.100.2.235>
- Ajzen. (2011). The theory of planned behaviour: Reactions and reflections. *Psychology & Health. Taylor & Francis Online*, 26(9).
- Armitage, J. (2002). State of emergency: An introduction. *Theory, Culture & Society. SAGE*. 19(4), 27-38
- Fortin, D. R. (2000). Clipping coupons in cyberspace: A proposed model of behavior for deal-prone consumers. *Psychology & Marketing*, 17, 515-534.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2022). *72 peratus pelajar tak sambung belajar: Lepasan SPM jawab 'bukan tak nak tapi ada yang bergelut untuk hidup'*. <https://malaysiadateline.com/72-peratus-pelajar-tak-sambung-belajar-lepasan-spm-jawab-bukan-tak-nak-tapi-ada-yang-bergelut-untuk-hidup/>
- James, L. A. (1995). Purchase behavior, food safety, and quality control in seafood and aquaculture marketing discussion. *American Journal of Agricultural Economics*, 77(5), 1319-1321.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2019). UPU Online: Semakan Infomasi IPTA dan Maklumat Program.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2022). Siti, Z. M. Z. Malaysia Gazette. *17,800 pelajar asnaf terima sumbangan Simpan SSPN*. <https://malaysiagazette.com/2022/10/26/17800-pelajar-asnaf-terima-sumbangan-simpan-sspn/>
- Kennedy, B. P. (2013). The theory of planned behavior and financial literacy: A Predictive Model for Credit Card Debt? [Theses dissertations and Capstones]. Paper 480.
- Muhamad, A. 2015. Self-esteem & academic performance among university students. *Journal of Education and Practice*, 6(1), <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1083788.pdf>
- Nnamdi, O and Norhasni, Z. A. (2017). Theory of planned behaviour and readiness for changes: Implication for organisations. *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, 2(1), 1-18.

- Orr, A. J. 2003. Black–White differences in achievement: The importance of wealth. *Sociology of Education*, 76, 281-304. <http://dx.doi.org/10.2307/1519867>
- Paiva, L. E. B., Sousa E. S., Lima, T. C. B. and Silva, D. D. (2020). Planned behavior and religious beliefs as antecedents to entrepreneurial intention: A study with university students. *Human and Social Management*, 21(2) 2020. <https://doi.org/10.1590/1678-6971/eRAMG200022>
- Sideridis, G. D., Kaissidis, A., & Padeliadu, S. (1998). Comparison of the theories of reasoned action and planned behaviour. *British Journal of Psychology*, 88(4), 563-580. <https://doi.org/10.1111/j.2044-8279.1998.tb01312.x>